

SPENDING BEHAVIOUR AMONG PRE-GRADUATE STUDENTS AT THE UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) BASED ON KIFAYAH LIMITS DURING COVID-19 PANDEMIC ERA

GELAGAT PERBELANJAAN DALAM KALANGAN PELAJAR PRA-SISWAZAH DI UNIVERSITI SAINS ISLAM MALAYSIA (USIM) BERDASARKAN HAD KIFAYAH PADA ERA PANDEMIK COVID-19

Abdul Manan Ismailⁱ, Mushaddad Hasbullahⁱⁱ, Mohamad Zaharuddin Zakariaⁱⁱⁱ, Ahmad Zaki Salleh^{iv},
Sofia Hayati Yusoff^v, Mohd Nasir Abdul Majid^{vi}, Hussein 'Azeemi Abdullah Thaidi^{vii}, Firdaus Ab
Rahman^{viii} & Mohd Afiq Ab Jalil^{ix}

- ⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM); Pengerusi, Akademi Fiqh Islami Malaysia (AFHAM). manan@usim.edu.my
- ⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mushaddad@usim.edu.my
- ⁱⁱⁱ Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). zaharuddin@usim.edu.my
- ^{iv} Profesor Madya, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). ahmadzaki@usim.edu.my
- ^v Pensyarah Kanan, Fakulti Kepimpinan dan Pengurusan, USIM. sofia@usim.edu.my
- ^{vi} Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). nasirmajid08@usim.edu.my
- ^{vii} Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). hussein@usim.edu.my
- ^{viii} Penyelaras Latihan & Perundingan, Institut Fatwa dan Halal (IFFAH); Pensyarah Kanan, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). mfirdaus.rahman@usim.edu.my
- ^{ix} Calon Doktor Falsafah, Fakulti Syariah dan Undang-Undang, Universiti Sains Islam Malaysia (USIM). afeeqjalil@gmail.com

Abstract

Had kifayah refers to a minimum basic necessity rate set based on the current cost of living. This limit is also used to determine the rate that needs to be assisted to meet the adequacy of basic expenses. The assessment made in determining the Had Kifayah covers six aspects of basic necessities of life, namely covering (shelter), food, clothing, medicine, education and transportation. A detailed study on Had Kifayah among USIM students has consistently been conducted and it is a requirement that needs to be met to set a reasonable rate in providing zakat assistance especially for asnaf students. The objective of this writing is to study student spending behavior during the Covid-19 pandemic and whether it is sufficient for students to survive on campus. The research method used are the qualitative and quantitative which apart from referring to existing writing and references, a survey was conducted to obtain the latest data from asnaf students through previous databases. The survey has been conducted via online instead of one to one interview due to COVID 19 pandemic. Through a survey that covers aspects of student spending and income, the average of spending method has been used as per agreed with all team members to determine the Had Kifayah, in line with the method used by the state Islamic religious council as a reference. With the improvements made in the agreed calculation system, a more accurate calculation method has been developed and at the same time can help the process of proper distribution of zakat.

	Keywords: <i>Zakat, Had, Kifayah, Asnaf, Economics.</i>
Abstrak	<p><i>Had Kifayah merujuk kepada suatu kadar keperluan asas minimum yang ditetapkan berdasarkan kos sara hidup semasa. Had ini juga digunakan bagi mengetahui kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi. Penilaian yang dibuat dalam menentukan Had Kifayah ini merangkumi enam aspek keperluan asas kehidupan iaitu meliputi perlindungan (tempat tinggal), makanan, pakaian, perubatan, pendidikan dan pengangkutan. Kajian terperinci tentang had kifayah dalam kalangan pelajar USIM belum pernah dibuat dan ia merupakan keperluan yang perlu dipenuhi bagi menetapkan kadar yang munasabah dalam pemberian bantuan. Objektif penulisan ini adalah untuk mengkaji gelagat perbelanjaan pelajar ketika pandemik Covid-19 dan adakah mencukupi bagi pelajar meneruskan kelangsungan hidup di kampus. Kaedah kajian yang digunakan adalah berbentuk kualitatif dan kuantitatif yang mana selain daripada merujuk kepada penulisan dan rujukan sedia ada, satu kaji selidik telah dilakukan bagi mendapatkan data terkini daripada pelajar – pelajar asnaf melalui pengkalan data terdahulu. Melalui kaji selidik yang merangkumi aspek perbelanjaan dan pendapatan pelajar, satu formula khas akan digunakan bagi penentuan had kifayah, selari dengan kaedah yang digunakan oleh majlis agama islam negeri sebagai rujukan. Dengan penambahbaikan yang dilakukan dalam sistem pengiraan yang dipersetujui, satu kaedah pengiraan yang lebih tepat telah dihasilkan dan sekaligus dapat membantu proses pembahagian zakat yang jitu.</i></p> <p>Kata kunci: <i>Zakat, Had, Kifayah, Asnaf, Ekonomi.</i></p>

PENDAHULUAN

Kebajikan pelajar Universiti Sains Islam Malaysia (USIM) terutamanya yang terdiri daripada golongan Asnaf amat dititikberatkan oleh pengurusan universiti seiring dengan falsafah universiti iaitu “Paduan di antara ilmu Naqli dan Aqli serta budi pekerti yang mulia adalah teras utama membentuk generasi cemerlang dan masyarakat berilmu”. Setiap tindakan dan penambahbaikan perlu diambil kira dari semasa ke semasa bagi Pusat Wakaf dan Zakaf (PWZ) USIM untuk memperbaiki dan memperhalusi kaedah – kaedah pembahagian zakat kepada pelajar-pelajar yang layak. Kadar zakat yang diterima oleh bakal Asnaf seharusnya dapat menolong mereka meningkatkan dan meningkatkan taraf hidup mereka, terutama dalam memenuhi aspek-aspek *daruriyyat* dan *hajiyyat* mereka (Syed, 1988, Hasan & Ezani, 2006)).

Oleh itu, adalah amat penting bagi PWZ untuk mendapatkan kadar had kifayah yang lebih sesuai bertepatan dengan kumpulan sasaran iaitu pelajar-pelajar Pra – Siswazah Di USIM. Namun begitu, kita dikejutkan dengan wabak pandemik Covid-19 yang bukan sahaja melanda negara kita, malah seluruh dunia. Wabak ini juga dilihat telah memberikan kesan yang mendalam kepada manusia sejagat dari segi emosi, ekonomi, aktiviti harian, aktiviti ibadah, dan termasuklah pendidikan.

Had kifayah bermaksud garis kecukupan minimum bagi keperluan asasi seseorang individu dan tanggungannya berdasarkan kos sara hidup semasa. Menurut syarak, *had kifayah* ialah kadar minima bagi keperluan asas dalam kehidupan seseorang. Had ini juga digunakan bagi mengetahui kadar yang perlu dibantu untuk menepati kecukupan perbelanjaan asasi (Hairunizam & Sanep, 2004). Berpandukan kepada *had kifayah* tersebut, pihak institusi zakat menggunakannya bagi mengetahui status asnaf zakat dalam kategori fakir atau miskin dan selanjutnya memudahkan proses pengiraan agihan yang diperlukan oleh pemohon zakat (Ahmad Fahmee & Mohd Faisol 2015). Berikut adalah komponen – komponen asas yang had kifayah: -

- Penginapan – merangkumi kos perbelanjaan dari segi penginapan sama ada yuran kolej, sewa rumah atau bilik, kediaman sendiri, serta kos bil-bil utiliti.
- Makanan – perbelanjaan makan dan minum pelajar berdasarkan perbelanjaan harian terutamanya bagi kelangsungan hidup.
- Pakaian – perbelanjaan bagi pembelian pakaian terutamanya pakaian asas serta pakaian untuk ke kuliah mengikut garis panduan yang ditetapkan oleh universiti
- Perubatan dan penjagaan kesihatan – merujuk kepada perbelanjaan asas perubatan, serta pembelian barangan penjagaan kesihatan asas
- Pendidikan – perbelanjaan bagi penggunaan barang – barang serta alatan yang diperlukan dalam pengajian mengikut kursus yang diambil terutamanya barang asas yang boleh menjejaskan pembelajaran jika tidak dapat dipenuhi.
- Pengangkutan – kos-kos pengangkutan asas yang penting seperti untuk tujuan ke tempat pengajian, kelaur membeli barangan keperluan asas, serta kecemasan.

Perbelanjaan merupakan aspek yang sangat penting untuk pihak PWZ membuat penilaian tentang tahap kecukupan kos sara hidup bagi calon-calon yang disaring (Shukri, 2014). Tambahan lagi dengan ujian terbesar dunia iaitu pandemik Covid-19 sedikit sebanyak memberi impak terhadap gelagat perbelanjaan pelajar khususnya. Justeru itu, penelitian terhadap perbelanjaan pelajar di USIM adalah amat penting bagi mendapat satu kadar yang lebih sesuai seiring dengan keadaan semasa. Oleh itu, dengan mengambil kira sumber pendapatan pelajar dari segala sudut yang munasabah seperti biasiswa, pembiayaan pelajaran, gaji, pemberian ibu bapa, dan sebagainya, akan membantu penyelidik untuk menghasilkan satu formula yang sesuai untuk diguna pakai menurut peredaran masa (Hairunizam et. Al, 2010).

Oleh itu, adalah amat penting bagi pihak PWZ mengenal pasti latarbelakang pelajar tersebut dengan terperinci (Mahmood, 2003). Pengukuran untuk menentukan konsep kemiskinan berbeza bergantung pada pemboleh ubah tertentu termasuk tempat, tempoh dan keadaan (JAWHAR, 2009). Sejurus selepas memastikan kadar had kifayah, langkah yang seterusnya adalah untuk mengenalpasti keutamaan perbelanjaan yang diperlukan oleh pelajar-pelajar sepanjang menghadapi ujian pandemik ini.

OBJEKTIF

Objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji gelagat perbelanjaan pelajar ketika pandemik Covid-19 dan tahap kecukupan pelajar dalam meneruskan kehidupan di kampus. Melalui pemerhatian tersebut, penyelidik akan menentukan jenis perbelanjaan berdasarkan tahap keutamaan dan perbelanjaan yang mana akan dinilai sebagai perbelanjaan sampingan berdasarkan tahap keutamaan yang telah diperolehi melalui maklumbalas daripada responden yang dipilih. Melalui gelagat perbelanjaan tersebut juga penyelidik dapat memastikan bahawa keutamaan (*priority*) perbelanjaan yang diletakkan oleh pelajar adalah sesuai.

Ini kerana terdapat segelintir pelajar masih gagal dalam menentukan kehendak dan keperluan dalam berbelanja lebih-lebih lagi ketika negara berada dalam ujian pandemik ini dimana terdapat pelbagai polisi dan syarat-syarat yang telah ditetapkan yang sedikit sebanyak mempengaruhi aktiviti harian pelajar dalam usaha mengekang penularan wabak ini. Justeru, adalah amat penting bagi penyelidik dalam membantu pihak PWZ bagi mendapatkan data dan informasi yang lengkap dalam membantu untuk menentukan amaun had kifayah yang tepat daripada dapatan yang diperolehi daripada kajian ini.

KAEDAH KAJIAN (METODOLOGI)

Kajian ini menggunakan kaedah kualitatif dan kuantitatif berdasarkan soal selidik yang diperolehi daripada calon-calon asnaf berdasarkan pengkalan data terbaru yang telah dibekalkan oleh pihak PWZ. Soal selidik telah diedarkan secara atas talian disebabkan kekangan untuk membuat temubual secara terus akibat daripada pandemik COVID-19 Responden diminta untuk memberikan maklumat terperinci mengenai amaun pendapatan

yang merangkumi beberapa aspek yang ditetapkan serta perbelanjaan mereka (daripada harian kepada bulanan) bagi pihak PWZ mendapatkan anggaran yang lebih tepat.


Justeru, ahli kumpulan penyelidikan bersetuju menggunakan kaedah purata perbelanjaan yang dikira berdasarkan pecahan-pecahan daripada enam aspek utama penentuan *had kifayah* disamping memastikan faktor – faktor tersebut memainkan peranan yang signifikan atau tidak dalam proses pengiraan yang dilakukan. Selain itu, rujukan-rujukan bagi sorotan literatur juga digunakan seperti buku, artikel, serta kajian-kajian lepas bagi menyokong dapatan – dapatan kajian yang telah berjaya diperolehi.

HASIL DAPATAN

Berdasarkan soal selidik yang telah dilakukan, seramai 229 responden telah memberi maklumbalas lengkap. Kesesuaian bilangan responden telah dikaji dan dipersetujui oleh ahli kumpulan penyelidik kerana kajian ini telah memfokuskan kepada golongan yang spesifik di USIM iaitu golongan pelajar asnaf di peringkat pra-sisawaah sahaja. Secara keseluruhannya, hanya seorang sahaja pelajar yang sudah berkahwin, namun begitu gelagat perbelanjaan tidak menunjukkan perbezaan yang ketara dengan perbelanjaan responden yang majoritinya adalah dari golongan bujang atau belum berkahwin. Daripada 229 responden ini, satu pengkalan data bagi mengira purata pendapatan dan juga perbelanjaan telah dikemaskini.

Dalam menentukan perbelanjaan pelajar, aspek-aspek yang dikaji adalah bersandarkan pada 6 aspek penentuan *had kifayah* yang telah dipersetujui iaitu aspek pendidikan, pemakanan, pakaian, tempat tinggal, pengangkutan, dan penjagaan kesihatan. Perbelanjaan pendidikan iaitu kategori yang pertama adalah direkodkan sebanyak RM998.44 seorang per semester, bersamaan RM199.69 setiap bulan. Jenis perbelanjaan ini merangkumi kos perbelanjaan buku dan alat tulis, penyelenggaraan laptop, percetakan, aktiviti kelab, dan juga kos tambahan aktiviti pengantarabangsaan yang ditanggung oleh pelajar (tidak termasuk RM450 yang dimasukkan bersama dengan yuran semester).


Daripada bahagian perbelanjaan pendidikan ini, kos tambahan aktiviti pengantarabangsaan ini menunjukkan nilai yang tidak konsisten, bahkan ada sehingga mencecah RM3500 seorang. Jumlah perbelanjaan bagi aktiviti ini perlu dipantau dan dikaji tentang punca perbelanjaan tersebut terlalu tinggi untuk segelintir pelajar. Berikut adalah graf perbelanjaan bagi kategori pendidikan:-



Graf 1.1: Perbelanjaan pendidikan

Namun begitu, disebabkan banyak aktiviti terpaksa ditangguhkan berikutan wabak ini, maka kos aktiviti perantarabangsaan ini dapat dikurangkan dan memberi kelebihan kepada pelajar untuk menumpukan perbelanjaan kepada keperluan lain yang penting.

Kategori yang seterusnya adalah perbelanjaan makan dan minum pelajar. Perbelanjaan makan dan minum secara purata (harian) merangkumi perbelanjaan sarapan (RM4.07), makan tengah hari (RM8.18), minum petang (RM2.06), makan malam (RM6.11) dan makan lewat malam atau *supper* (RM1.69). Jumlah purata perbelanjaan makan dan minum untuk sebulan pula adalah sekitar RM551.33 seorang. Graf adalah seperti berikut:-




Graf 1.2: Perbelanjaan Makan dan minum

Berdasarkan dapatan daripada data yang diperolehi, majoriti responden tidak menitikberatkan perbelanjaan makan lewat malam, kebiasaannya pada waktu berkenaan, pelajar mungkin hanya keluar bersantai dan hanya cenderung untuk membeli minuman sahaja sambil berbual-bual. Selain itu, tidak semua pelajar akan keluar bersiar – siar pada waktu malam terutamanya pelajar wanita yang tidak gemar dengan aktiviti tersebut dan lebih cenderung untuk berada di penginapan masing-masing ketika waktu malam.

Jika dilihat sepanjang pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang diperkenalkan oleh kerajaan Malaysia, aktiviti-aktiviti luar rumah adalah dihadkan pada satu tempoh tertentu contohnya kedai-kedai makan atau restoran tidak dibenarkan beroperasi melebihi sekitar jam 8 malam sehingga 10 malam, dan hanya pembelian melalui pesanan sahaja dibenarkan. Justeru, ini menghalang aktiviti pelajar untuk keluar malam dan jika membuat pesanan makanan melalui sistem *e-hailing* seperti Foodpanda atau Grab Food, kosnya adalah lebih tinggi. Jadi, pelajar lebih cenderung untuk membeli bekalan makanan ringan untuk makan malam secara pukal.

Seterusnya adalah perbelanjaan pakaian dengan purata per semester adalah seperti berikut; a) pakaian rasmi ke kuliah (RM82.53), b) Pakaian ibadah (RM27.32), c) Pakaian harian (RM56.58), d) pakaian aktiviti universiti (RM55.95), e) Pakaian keraian/majlis universiti, seperti makan malam fakulti, sambutan-sambutan rasmi dan sebagainya (RM58.20), dan f) pakaian berbentuk aksesori seperti kerongsang, topi, aksesori kecantikan dan sebagainya (RM23.76).

Namun begitu, perbincangan telah dilakukan bersama dengan penasihat kajian yang telah dilantik oleh pihak penyelidik iaitu Dr Hairunnizam Wahid daripada UKM yang merupakan pakar rujuk dalam bidang zakat dan kami telah bersetuju untuk tidak mengambil kira item (e) dan (f) atas alasan item tersebut lebih cenderung kepada kehendak dan bukan keperluan. Lebih-lebih lagi pelbagai aktiviti seperti makan malam, aktiviti luar, dan sebagainya adalah tidak dibenarkan. Jadi tiada keperluan untuk perbelanjaan tersebut dilakukan. Oleh itu, pengiraan jumlah item a, b, c, dan d adalah sebanyak RM222.35 setiap semester dan RM44.47 sebulan (dibahagi kepada 5 bulan per semester). Graf perbelanjaan pakaian adalah seperti berikut:-




Graf 1.3: Perbelanjaan Pakaian

Seperti yang dijangkakan bahawa item (a) dan juga (c) adalah dua perbelanjaan pakaian yang paling tinggi dan bertepatan dengan keutamaan dan tujuan pakaian tersebut dibeli.

Bagi kategori tempat tinggal pula, data yang diperolehi diolah dengan lebih terperinci iaitu bagi pelajar yang menginap di kampus dan juga yang menyewa diluar atau duduk di rumah sendiri. Bagi penginapan di kolej, yuran adalah spesifik iaitu RM580 per semester bersamaan RM116 sebulan. Tujuan adalah bagi menyeragamkan data supaya menjadi komitmen sewa antara penduduk kolej dan penyewa diluar kolej dikira secara bulanan. Bagi perbelanjaan lain yang signifikan adalah bil penggunaan telefon dan internet.


Ini kerana tidak kira pelajar tinggal di kolej atau di luar kolej, penggunaan telefon dan internet adalah satu keperluan lebih-lebih lagi jika pelajar diminta untuk menghadiri kelas secara atas talian. Secara purata penggunaan telefon mencatatkan sebanyak RM51.85. Sebagai pelajar, perbelanjaan ini boleh dikira relevan jika dalam satu penginapan, pelajar berkongsi untuk membayar akaun internet yang sama, atau menggunakan internet peribadi melalui telefon bimbit dengan pakej yang minimum. Jumlah perbelanjaan sewa dan komunikasi adalah sebanyak RM160.04 sebulan untuk seorang. Graf dibawah menunjukkan data tentang perbelanjaan penginapan:-



Graf 1.4: Perbelanjaan Penginapan

Perbelanjaan ini dilihat munasabah kerana pada masa sekarang, kebanyakan kuliah atau kelas menggunakan medium atas talian berbanding belajar secara bersemuka. Penggunaan internet digunakan semaksimum mungkin dan kediaman yang sesuai adalah “kelas” pangajian pelajar buat masa ini.

Pengangkutan semestinya amat penting meskipun pelajar banyak menghabiskan masa di dalam kawasan kampus terutamanya pada hari kuliah. Bagi perbelanjaan pengangkutan, kumpulan penyelidik bersetuju untuk membahagikan kepada dua kategori iaitu pengangkutan awam serta pengangkutan persendirian. Jumlah purata kos pengangkutan awam bulanan adalah RM107.72 manakala pengangkutan sendiri adalah RM96.24.



Graf 1.5: Perbelanjaan penagngkutan


Pengangkutan awam adalah merangkumi bas awam (tidak termasuk bas USIM), teksi, perkhidmatan *e-hailing*, keretapi, dan sebagainya. dan tidak menghairankan perbelanjaan paling ketara adalah penggunaan *e-hailing* yang kini menjadi pilihan kerana lebih mudah, cepat, dan berpatutan dengan perbelanjaan purata sebanyak RM52.52. Justeru, adalah sangat penting untuk item ini diambil kira dalam penentuan had kifayah kerana ia sudah menjadi pilihan utama bagi pelajar USIM yang ingin menggunakan perkhidmatan awam.

Bagi pelajar yang mempunyai kenderaan sendiri, biasanya akan dinilai dengan lebih terperinci bagi mengetahui siapa pemilik kenderaan, bagaimana mereka memperolehnya (beli sendiri atau pemberian keluarga), atau adakah tanggungan pelajar sepenuhnya. Ini kerana jika difikirkan secara kasar, jika mampu membeli kenderaan, maka keutamaan penerimaan zakat akan diberikan kepada pelajar asnaf yang langsung tidak mampu memiliki kenderaan sendiri lagi. Sungguhpun begitu, kajian mendalam diperlukan bagi aspek ini kerana melalui pelaksanaan PKP, ia sedikit sebanyak mempengaruhi aktiviti keluar masuk kampus oleh pelajar.

Untuk kategori yang terakhir adalah perbelanjaan yang melibatkan kesihatan. Bagi kategori ini, ahli kumpulan penyelidik telah bersetuju untuk membahagikan kepada dua kategori kecil iaitu kategori pertama, pembelian perubatan asas seperti minyak gamat, minyak angin, koyok, Panadol, dan sebagainya.

Manakala kategori kedua adalah pembelian penjagaan diri dan kesihatan seperti sabun, syampu, pencuci muka, pencukur, bedak, tuala wanita, ubat gigi, dan sebagainya. Ini kerana kedua-dua aspek ini adalah berbeza dimana ia merangkumi bahagian luaran dan dalaman, namun atas satu tujuan iaitu berkaitan kesihatan. Bagi perubatan asas, purata bagi perbelanjaan bulanan adalah RM24.60. Ini kerana kebiasaannya penggunaan barang-

barang tersebut adalah tidak kerap seperti barang-barang penjagaan diri. Purata perbelanjaan penjagaan diri adalah RM143.15 sebulan. Jumlah keseluruhan bagi kategori ini adalah RM167.75.



Graf 1.6: Perbelanjaan kesihatan

Perbelanjaan ini tidak termasuk perbelanjaan perubatan seperti caj wad, ubatan hospital, pembedahan, atau perbelanjaan hospital yang melibatkan kos yang tinggi. Perbelanjaan ini lebih kepada penjagaan dan pencegahan dimana ia adalah perbelanjaan harian dan mengambil kira barang-barang yang sentiasa ada seperti barang-barang yang terkandung dalam peti keselamatan kecil iaitu item yang asas sahaja. Penularan wabak Covid-19 dilihat sedikit sebanyak memberi kesan yang berbeza dalam aspek ini kerana aspek kesihatan adalah semakin dititikberatkan seperti keperluan membeli pelitup muka, pembersih nyahkuman, dan keperluan-keperluan pencegahan penularan pandemik yang lain. Namun begitu, amaun penambahan adalah sekitar RM40 sebulan untuk keperluan tambahan berikut dan ia dilihat tidak begitu signifikan.

Dengan menggunakan kaedah pengiraan purata perbelanjaan yang merangkumi keenam-enam aspek penentuan *had kifayah*, nilai purata perbelanjaan bulanan yang diperolehi adalah sebanyak RM1282.78. Ini menunjukkan bahawa nilai tersebut adalah nilai perbelanjaan yang perlu dipenuhi bagi seorang pelajar di USIM bagi meneruskan kelangsungan hidup sebagai mahasiswa di sini.

KESIMPULAN

Penetapan *had kifayah* zakat adalah perkara yang ijtihadi dan menjadi tanggungjawab pihak yang bertanggungjawab, di dalam situasi ini adalah PWZ USIM. *Had kifayah* zakat mungkin berubah mengikut kesesuaian masa dan tempat. Berdasarkan kajian yang telah dilakukan, dapat dirumuskan bahawa kajian telah menepati objektif yang ingin dicapai dimana dapat dilihat bahawa faktor serta trend perbelanjaan memainkan peranan yang amat penting dalam penentuan *had kifayah*.

Melalui kajian ini, penyelidik dapat mengenalpasti bentuk perbelanjaan yang diberi keutamaan serta perbelanjaan yang tidak perlu diambil kira dalam proses pengiraan *had kifayah*. Terdapat jenis-jenis perbelanjaan yang lebih cenderung kepada kehendak, tetapi mencatatkan amaun yang agak tinggi. Justeru, jenis-jenis perbelanjaan ini akan diteliti dan dinilai sejauh mana kepentingan perbelanjaan tersebut kepada pelajar, kerana terdapat segelintir pelajar yang dilihat gagal menentukan mana satu keperluan dan mana satu kehendak.

Berdasarkan purata perbelanjaan-perbelanjaan yang diperolehi, rata-rata menunjukkan amaun yang munasabah bagi jumlah perbelanjaan secara purata bagi seorang asnaf sejajar dengan proses kelangsungan hidup sepanjang kewujudan wabak pandemik Covid-19 ini. Ini menunjukkan bahawa item-item yang di masukkan di dalam soal selidik adalah relevan dan bertepatan dengan objektif yang ingin dicapai. Namun begitu, pihak penyelidik juga bersepakat bahawa masih ada ruang bagi penambahbaikan yang boleh dilakukan dalam penyelidikan pada masa akan datang kerana kita tidak mengetahui apakah ujian yang akan tiba pada masa akan datang. Meskipun begitu, kita haruslah bersiap siaga dan terus berusaha mencari penyelesaian yang terbaik bagi meneruskan kelangsungan hidup untuk terus menjalankan tanggungjawab kita sebagai khalifah di bumi Allah ini.

PENGHARGAAN

Artikel ini adalah sebahagian hasil penyelidikan bertajuk 'Penentuan Pengiraan Had Kifayah Terhadap Pelajar Prasiswazah di Universiti Sains Islam Malaysia (USIM)' (PPPI/KHAS_PWZ/FSU/051007/15319) yang ditaja oleh Pusat Wakaf dan Zakat, Universiti Sains Islam Malaysia.

RUJUKAN

- Ahmad Fahme Mohd Ali & Mohd Faisol Ibrahim. 2015. *Determinations of A Muslim Household Poor In Kelantan, Base On Islamic Poverty Line Index (Had Kifayah)*. E-Prosiding Seminar Zakat Peringkat Kebangsaan 2015. Edited by Nor Aini Ali, Azizi Che Seman & Mohammad Taqiuddin Mohamad. Kuala Lumpur: Majlis Agama Islam Wilayah Persekutuan & Jabatan Syariah dan Ekonomi, APIUM.
- Hairunnizam Wahid & Sanep Ahmad. 2004. *Kesan Bantuan Zakat Terhadap Kualiti Hidup Asnaf Fakir dan Miskin*. The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research, 1 (1), 151-166.
- Hairunnizam Wahid, Sanep Ahmad, S. & Radiah Abdul Kader. 2010. *Pengagihan Zakat Oleh Institusi Zakat Kepada Lapan Asnaf: Kajian Di Malaysia*. Jurnal Pengurusan JAWHAR, 4.1.
- Hasan bin Bahrom, Ezani bin Yaakub. 2006. *Pengurusan Zakat Semasa*. Shah Alam: Pusat Penerbitan Universiti Teknologi Mara.
- Jabatan Wakaf, Zakat dan Haji (JAWHAR). 2009. *Manual Pengurusan Agihan Zakat*. Kuala Lumpur: JAWHAR.
- Mahmood Zuhdi Abdul Majid. 2003. *Pengurusan Zakat*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Muhammad Syukri. 2014. *Pembasmian Kemiskinan Melalui Pemeraksanaan Pendidikan Ummah. Pengurusan Zakat di Institusi Pengajian Tinggi: Pengalaman & Hala Tuju*. Shah Alam: Akademi Pengajian Islam Kontemporari (ACIS).
- Syed Othman al-Habshi. 1988. *Peranan Zakat Dalam Membantu Pembangunan Ekonomi Negara*. Kertas kerja dibentangkan di Konvensyen Zakat Kebangsaan 1988. Anjuran Bahagian Zakat, Majlis Agama Islam Pulau Pinang & Jabatan Hasil Dalam Negeri Pulau Pinang.

Penafian

Pandangan yang dinyatakan dalam artikel ini adalah pandangan penulis. Al-Qanatir: International Journal of Islamic Studies tidak akan bertanggungjawab atas apa-apa kerugian, kerosakan atau lain-lain liabiliti yang disebabkan oleh / timbul daripada penggunaan kandungan artikel ini.